

Mengenai syarikat pemain bandar pintar yang bekerja secara berasingan sehingga menghalang matlamat bandar pintar, Zuraida berkata, ia membabitkan banyak segmen, antaranya komunikasi, keselamatan, undang-undang dan kewangan.

“Mereka bekerja secara berasingan kerana kita tidak mempunyai pelan digital induk atau ‘big data’ bagi menghubungkan syarikat terbabit. Dengan rangka kerja ini, saya harap mereka boleh bekerjasama dan membuahkan hasil lebih baik,” katanya.

Zuraida berkata, setakat ini, sebanyak enam bandar sudah mengumumkan inisiatif ke arah bandar pintar iaitu Johor Bahru, Johor; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak selain di Selangor, Pulau Pinang dan Melaka.

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia mempunyai tujuh kandungan rangka kerja iaitu Cabaran Bandar Utama, Dasar, Strategi, Penyusunan Tadbir Urus, Inisiatif, Contoh Antarabangsa, Projek Perintis dan Penunjuk.

Ia mengandungi 16 hala tuju dasar dengan lima bandar dijadikan sebagai bandar perintis bagi inisiatif khusus, iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Johor Bahru, Kuching dan Kulim, Kedah.

Sementara itu, ditanya mengenai permintaan rumah yang tinggi daripada warga China di negara ini, Zuraida berkata, ia bukan mengenai warga China saja sebaliknya membabitkan pembeli dari luar negara melalui Program Malaysia Rumah Keduaku.

“Ketua Setiausaha (KSU) kementerian saya akan bertemu dengan KSU Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi membincangkan cara bagaimana untuk menggunakan platform itu bagi penjualan baki rumah mewah.

“Ini masih di peringkat awal perbincangan dan kita akan lihat apa syor daripada mereka nanti,” katanya.